

**Kuala Lumpur:** Penguatkuasaan dengan meningkatkan denda dan memastikan peniaga mempunyai lesen menjual rokok antara langkah boleh diambil bagi mengatasi isu rokok haram atau rokok seludup.

Pakar Ekonomi Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWatch) Prof Madya Dr Norashidah Mohamed Nor berkata, kajian yang dilakukannya mendapati bahawa faktor utama menyebabkan lambakan rokok haram adalah kerana masalah penguatkuasaan dan rasuah.

Katanya, memang benar kerajaan boleh mengenakan denda atau tindakan dan sebagainya tetapi penguatkuasaan itu yang penting.

“Selain menaikkan denda, dengan memastikan penjual mempunyai lesen,

# Atasi rokok seludup, naikkan cukai mampu kurangkan prevalen perokok

pastinya mereka tidak akan menjual rokok haram,” katanya.

Dr Norashidah berkata, kita sedia maklum pihak berkuasa terutama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sudah melakukan pelbagai aktiviti tangkapan terutama di pintu masuk tetapi bagaimana kalau rokok haram itu sudah berjaya di seludup?

“Dalam hal ini, kerjasama semua pihak dan penguatkuasaan sangat penting dan perkara ini juga sudah dilakukan di banyak negara.

“Selain pihak berkuasa, orang kampung dan masyarakat setempat juga boleh melaksanakan penguatku-



saan dengan membuat laporan, tangkapan, ataupun aduan. Saya rasa itu boleh membantu,” katanya.

Ditanya adakah pelaksanaan Akta generasi penamat rokok atau *Generational*



*Dalam hal ini, kerjasama semua pihak dan penguatkuasaan sangat penting dan perkara ini juga sudah dilakukan di banyak negara”*

**Dr Norashidah**

*Endgame* (GEG) akan meningkatkan lagi kemasukan rokok seludup, Dr Norashidah berkata tidak ada kaitan antara rokok seludup dengan GEG.

Katanya, dengan pelaksa-

naan GEG, sepatutnya generasi yang lahir pada tahun 2007 tidak akan mengenal rokok.

“Kalau mereka tidak kenal rokok, ini bermakna mereka tidak akan menghisap rokok dan juga vape. Jadi, kalau mereka tidak hisap rokok dan vape, perlukah mereka cari rokok tidak sah?”

“Secara logiknya, menerusi GEG ini, kita mahu halang mereka daripada merokok. Dengan itu, apabila mereka tidak ada kebiasaan, tidak ada keperluan nak merokok dan tiada tahap ketagihan, kenapa mereka nak cari rokok tidak sah.

“Bagaimanapun, ini bagi generasi yang lahir pada

2007. Isu perokok yang beralih kepada rokok haram ini adalah mereka yang ketagih pada rokok,” katanya.

Dr Norashidah yang juga Timbalan Dekan (Pra siswazah dan Alumni), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia berkata, kenaikan cukai memang mampu mengurangkan prevalen perokok.

“Dengan menaikkan cukai rokok, ada dua objektif yang boleh dicapai iaitu pertama, kerajaan boleh mendapat bayaran cukai kerana perokok tegar akan tetap membeli rokok walaupun harga mahal.

“Kedua, bagi mereka yang bukan perokok tegar, mereka akan lihat kos naik harga rokok dan secara tidak langsung berhenti merokok,” katanya yang mencajangkan kenaikan harga rokok sebanyak 20 peratus.